

BAB I

PENDAHULUAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1. LATAR BELAKANG MASALAH

1.1 SEJARAH RINGKAS KERAJAAN MELAYU ISLAM DI SELATAN THAILAND

Selatan Thailand pada hari ini letaknya di Semenanjung Tanah Melayu, yang pada suatu ketika dahulu dikenali dalam sejarah sebagai Semenanjung Emas.¹ Kawasan selatan yang berbentuk semenanjung itu terletak di antara garisan lintang $11^{\circ} 42' - 5^{\circ} 37'$ dan garisan bujur $98^{\circ} - 102^{\circ}$.² Bentuk buminya adalah bujur memanjang yang panjangnya dari utara ke selatan 600 kilometer. Lebarnya pula, di kawasan paling luas 250 kilometer dan paling sempit 64 kilometer iaitu di Segenting Kra. Keluasan bumi di Selatan ialah 70,715.15 kilometer persegi iaitu 13.78 peratus dari keseluruhan bumi di Thailand.³

Selatan Thailand adalah terdiri daripada 14 wilayah, ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Selatan Bahagian Atas dan Selatan Bahagian Bawah⁴

¹ Lihat Staban Taksin Khedi Suksa (1986), *Saranokrom Wattanathan Paktai*, (Bangkok: Amarinkan Pimp, 1986), Vol. 7, h. 2577. Di Dalamnya ada menyebut bahawa Pomponios Mila yang menulis dalam buku geografinya pada tahun 43M membuat gelaran Selatan dengan "Chry Insula". Adapun K. Ptolemy yang menulis antara tahun 127-141 M dengan panggilan "Chry Cheresonese". Manakala Martianus of Hereclia dalam bukunya *Periplus of the Outer Sea* yang ditulis antara abad ke 4-5M dengan panggilan "Golden Khersonese" dan diterjemahkan kepada bahasa Thai dengan Laem Thong (Semenanjung Emas). Ahli sejarah di kebelakangan ini membuat panggilan "Semenanjung Emas" itu kepada "Semenanjung Melayu" atau "Malay Peninsula".

² *Ibid.*, h. 2578.

³ *National Statistical Office*, (1980), Office of the Prime Minister.

⁴ Dr. Ahmad Omar Chapakia (2000), *Politik Thai Dan Masyarakat Islam Di Selatan Thailand*, c.1. Kedah Darul Aman: Pustaka Darussalam Sdn. Bhd., h. xvii.

Selatan Thailand Bahagian Atas mengandungi 9 wilayah iaitu Chumpon, Ranong, Surat Thani, Nakhorn Sri Thammarat, Phuket, Phangnga, Terang dan Phatalung.⁵

Selatan Thailand Bahagian Bawah adalah terdiri daripada 5 wilayah iaitu *Pattani*,⁶ *Yala*, *Narathiwat*, *Satun* dan *Songkhela*. Sebahagian besar daripada Selatan Bahagian Bawah pada masa sebelum ditakluk oleh kerajaan *Siam*, terkenal dengan nama *Kerajaan Melayu Islam Patani Dār al-Salām* yang terdiri daripada wilayah *Pattani*, *Yala*, *Narathiwat* dan sebahagian daripada wilayah *Songkhela*.⁷

Dalam kedudukan sejarah, di Selatan Thai terdapat beberapa buah kerajaan purba. Di antaranya Kerajaan Tambarlinga dan Kerajaan Langkasuka. Kerajaan Tambarlinga berkuasa di Selatan Bahagian Atas, manakala Kerajaan Langkasuka berkuasa di Selatan Bahagian Bawah.

i. Kerajaan Tambarlinga

Tambarlinga dianggap sebagai kerajaan tertua dan terbesar di kawasan Selatan. Sebutan dan catatan mengenainya berbeza mengikut bahasa catatan mengenainya. Misalnya disebut *Tambalingan* (Bali), *Tambralinga* (Sanskrit)

⁵ *Ibid.*

⁶ Mengenai ejaan nama "*Patani*" itu terdapat ejaannya "*Pattani*" dengan dua "t" dan "*Patani*" dengan satu "t" hasil dari kajian penulis didapati bahawa "*Patani*" ialah satu negeri yang meliputi beberapa wilayah di Selatan Thai, adapun "*Pattani*" itu adalah salah satu wilayah daripada wilayah-wilayah dalam negeri Thai yang berada di bawah kerajaan Thai semenjak dari tahun 1932 M. Lihat *Yala Provincial Statistical Office (1999), Statistical Reports of Changwat (Yala)*, Bangkok : Statistical Data Bank and Information Dissemination Division National Statistical office, h. 10.

⁷ Noordin Bin Abdullah Dagorha (1997), "Dakwah Islamiah di Selatan Thailand: Suatu Kajian Tentang Perkembangannya Antara Tahun 1960-1991M" (Tesis, M.A., Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 2.

Madamalingam (Tamil) dan *Tanmaling* (Cina). Manakala *Sri Tammarai* adalah panggilan nama gelaran bagi raja yang memerintah negeri itu. Sebutan mengenainya terdapat pada batu catatan bahasa sanskrit tahun 1240 yang dijumpai di Chaiya.⁸

Pusat pertama pemerintahan Kerajaan *Tambarlinga* ialah di *Ta'rua*, kemudian berpindah ke Praviang dan berpindah lagi ke *Muang Nakorn*, iaitu bandar *Nakorn* yang ada sekarang ini. Negeri *Chaiya* dan *Satingpra* terletak di bawah pengaruh kerajaan *Tambarlinga* pada ketika itu.

Pada sekitar abad ke-12, Kerajaan *Tambarlinga* dianggap sebagai kuasa politik yang terbesar dan berpengaruh di kawasan Selatan dan Semenanjung Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, pada sekitar abad ke-13, nama kerajaan *Tambarlinga* beransur hilang dan dijelmakan dengan nama *Muang Nakorn Sri Tammarat*. Pada awal abad ke-14 *Muang Nakorn* dimasukkan ke dalam taklukan Kerajaan *Sukhothai*.⁹

ii. Kerajaan Langkasuka

Langkasuka adalah di antara kerajaan purba yang bertapak dan berpengaruh di Kawasan Selatan Bawah. Berdasarkan catatan rekod *China* di *Zaman Dinasti Liang* (502-566), kerajaan *Langkasuka* didirikan pada akhir abad pertama

⁸ Lihat Prathum Chumpengphan (1982), "Anachak Tambarlinga" dalam *Pravatisat Lae Borankhedi Nakorn Sri Tammarat* (Bangkok: Krung Syam Kan Pimp. 1982), h. 94-95.

⁹ *Ibid.*, h. 103.

Masihi,¹⁰ iaitu kira-kira tahun 80-100 M. Kerajaan ini merupakan sebuah kerajaan pertama mencapai kemajuan di Semenanjung Tanah Melayu.¹¹

Pada sekitar abad ke-3, *Langkasuka* menjadi pelabuhan terpenting dikunjungi pedagang² asing kerana kedudukan kualanya yang strategik dan terlindung daripada angin Monson.¹² Di sekitar abad ke-6, Kerajaan *Langkasuka* menghantar rombongan diplomatik dan perniagaan ke negeri *China*.¹³

Mengikut seorang pengembara Arab, *Sulaimān Aḥmad al-Māhīrī* yang mengembara pada tahun 1500, menulis dalam bukunya yang sangat masyhur *Kitāb Al-Minhaj, al-Fakhīr filim Albaḥr al-Zakhīr*, menyebut tentang *Langkasuka* dengan tulisan "*Langashuka*".¹⁴

Perbezaan sebutan mengenai *Langkasuka* kerana kelainan bahasa: misalnya *Ilangasoka* (India), *Langashuka* (Arab) dan *Lang-his-chai* (Cina). Sebahagian besar daripada kalangan ahli sejarah, misalnya *C. Otto Blagden, George Coedes*

¹⁰ Seni Masakakul, "Rach Anachak Langkasuka Yu Thinai" *Jurnal Ru Sambilan*. Tahun 3, bil.1, Falulti Pendidikan. Unibersiti *Songkhla* Nakharin, *Patani*. (Mac-April 1974), h.23.

¹¹ A. Bangnara (1977), *Patani Dahulu dan Sekarang, Pattani* : Penyelidikan Angkatan *Patani*, h.2.

¹² Lihat Kitti Rattanachaya (Jeneral) (1990), "Panha Kwam Sampan Rawang Chao Thaphut Lae Chao Thai Muslim nai Changwad Chaidaeen Pak Tai", Tesis Kelej Pertahanan Negara, 1990, h. 1.

¹³ Lihat A. Teeuw and D.K. Wyatt (1970), *Hikayat Patani*, (The Hague: Martinus Nijhoff, 1970) h.1.

¹⁴ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese* (1961), (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1961), h. 258-259.

dan Paul Wheatley mempercayai bahawa nama-nama itu ialah kerajaan purba yang terletak di kawasan *Patani*.¹⁵

Walau bagaimanapun, pada awal abad ke-15 nama kerajaan *Langkasuka* ini hilang dari catatan bangsa asing. Di atas kehilangan kerajaan *Langkasuka* itulah maka munculnya kerajaan *Patani*, diasaskan oleh *Phya Tu Nakpa* yang berasal dari Kota Mahligai.¹⁶

iii. Kerajaan Melayu Islam *Patani*

Kira-kira pada abad ke-10 atau 11 M, rakyat negeri *Patani* telah ada yang memeluk agama Islam di samping menjalankan urusan perniagaan.¹⁷ Hal ini dapat dibuktikan dengan sejarah kemasukan Islam ke negeri *Kelantan* iaitu pada tahun 1150 M. melalui seorang pendakwah dari negeri *Patani*.¹⁸ Hasil daripada dakwah Islamiah yang dilakukan oleh para saudagar Arab tadi, Raja *Patani* sekeluarga termasuk putera dan puterinya memeluk agama Islam pada awal abad ke 15 M, iaitu kira-kira tahun 1457 M.¹⁹ Hal ini adalah disebabkan oleh kedudukan *Patani* sebagai sebuah pusat perdagangan yang terbesar di Asia Tenggara pada ketika itu.²⁰

¹⁵ Lihat Phraya Anuman Rachaton (1956), *Watanatham Thai: Watanatham Haeng Chat* (Bankkok: Pranakorn,), h. 3-4. Lihat juga Saranukrom Wattanatham Pak Tai, h. 2900-2901.

¹⁶ A. Teeuw and D.K. Wyatt (1970), *op.cit.*, h. 3.

¹⁷ Mohd Zamberi A. Malek (1993), *Umat Islam Patani Sejarah Dan Politik*, Shah Alam : Hizbi, h.23.

¹⁸ Haji Dusuki Haji Ahmad (1974), *Ikhtisar Perkembangan Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 521.

¹⁹ A. Bangnara (1977), *op. cit.*, h. 7.

²⁰ Maḥmūd Shākir (1974), *Faḥāmī*, c. 3, Beirūt : al-Maktabah al-Islāmī, h. 26.

Negeri *Patani* muncul serta mencapai kemakmuran dan kemajuan terutama di bidang perdagangan sehingga didatangi oleh saudagar-saudagar asing seperti bangsa Portugis dan Belanda untuk menubuhkan badan-badan perdagangan mereka kira-kira pada tahun 1584 M. iaitu pada zaman pemerintahan *Ratu Hijau*, puteri bagi *Sultan Mansur Shah*.²¹

Patani juga dikenali sebagai pusat pendidikan Islam di Nusantara yang melahirkan tokoh-tokoh utama yang terkenal dalam menghasilkan karya-karya ilmiah sama ada dalam bentuk penulisan atau pun penterjemahan. Antara ulama besar *Patani* yang paling terkemuka ialah *Syaikh Daūd Ibn Abdullah Ibn Idrīs al-Faṭānī* (1131 H./ 1718 H- 1297H./1879M.), di mana karya-karya beliau tersebar ke seluruh Nusantara.²² Hal ini dapat dikuatkan lagi dengan pendapat beberapa orang sarjana Barat bahawa *Patani* pernah menjadi pusat Islam tertua di Asia Tenggara.²³

Kerajaan Melayu Islam *Patani* yang makmur, kaya raya dan maju di bidang perniagaan, telah menarik perhatian kuasa-kuasa serantau terutama kerajaan *Siam*, ingin mendampingi dan menguasainya. Maka serangan pertama telah berlaku ke atas *Patani* di masa pemerintahan *Ratu Hijau* (1584-1616M.) oleh pihak *Siam*, semasa pemerintahan *Pra Nareisuan*, iaitu pada tahun 1603 M. Tetapi serangan mereka gagal.²⁴ Ianya diikuti dengan serangan kedua pada tahun 1632–1633 M.

²¹ *Ibid.*, h. 15.

²² Surin Pitsuwan (t.t.), *Islam di Muang Thai*, t.p., h. 37-38.

²³ R.L. Winzeler, (1975), *Traditional Islamic School In Kelantan*, J.M.B.R.A.S, t. k., jil. 48, Bhg. 1, h.92.

²⁴ Ibrahim Shukri (1960), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*, Kota Bharu : Matba'ah Majlis Ugama Islam Kelantan, h. 50-52.

yang juga mengalami natijah yang sama.²⁵ Seterusnya diiringi serangan ketiga pada zaman pemerintahan *Ratu Ungu* (K. 1624-1635 M.) Tahun 1635 M.²⁶

Kemangkatan *Ratu Kuning* (K.1635-1688 M.) pada tahun 1688M. merupakan tanda tamatnya pemerintahan dinasti *Seri Maha Wangsa* di negeri *Patani* kerana tidak terdapat seorang pun dari kalangan kerabat untuk ditabal sebagai raja atau ratu *Patani* seterusnya.²⁷ Akhirnya bendahara-bendahara negeri *Patani* terpaksa bersetuju melantik *Raja Bakal*, seorang keturunan raja *Kelantan* menjadi raja negeri *Patani*.²⁸

Semenjak pemerintahan *Raja Bakal* dan raja-raja sesudahnya, kerajaan negeri *Patani* pun mulai lemah. Keadaan ini berlaku akibat dari krisis perebutan kuasa antara pembesar-pembesarnya. Akhirnya sudah tidak ada lagi saudagar-saudagar dan pedagang-pedagang dari Eropah di *Patani*, kecuali dari Timur sahaja, iaitu *China*, *Jepun*, *India* dan *Arab*. Berita kelemahan ini tersebar luas ke negeri-negeri jiran terutama *Siam*.²⁹

Pada Tahun 1786 M. tentera *Siam* di bawah pimpinan *Raja Muda Tura Singhanat* mendesak supaya raja *Patani* menyerahkan *Patani* kepadanya, tetapi ditolak oleh *Sultan Muhammad* yang memerintah *Patani* pada zaman itu. Sekali lagi *Siam* menyerang *Patani* dengan pasukan tentera yang lengkap pimpinan *Phraya Kalahum*, *Maha Uparat*, *Phaya Sena Phuthon* dan Gabenor *Siam*

²⁵ Ahmad Idris (1990), *Pengaruh Bahasa Thai Ke atas Dailok Melayu Patani*, t.p., h.7.

²⁶ Rong Syamanont dan Puan Wilasawong Napharat (1971), "*Sejarah Zaman Krung Sri Ayuthaya*" (Kertas Kerja Sejarah, Naskhah Archeology pada 1 hb Januari 1971), h. 49.

²⁷ Saroop Ritchu (1986), h. 97, Dipetik oleh A. Bangnara (1977), *op. cit.*, h. 29.

²⁸ A. Malek (1993), *op. cit.*, h. 87.

²⁹ A. Bangnara (1977), *op. cit.*, h. 30.

Phatalung yang berpangkalan di *Singgora*. Dalam serangan kali ini, *Patani* gagal menandingi kekuatan tentera *Siam* sehingga *Sultan Muhammad* sendiri ditembak mati dalam medan pertempuran ini. Akhirnya *Siam* telah berjaya menakluki seluruh negeri *Patani* pada tahun November 1786 M.³⁰

Walaupun negeri *Patani* sudah berada di bawah penaklukan *Siam* tetapi raja-raja Melayu Islam masih diberi kuasa untuk memerintah *Patani* sebagaimana *Siam* melantik *Tengku Lamidin* (*Tengku Kamaruddin*) sebagai raja pertama di bawah taklukan *Siam*.³¹

Kejahatan dan kezaliman yang dilakukan oleh *Siam* ke atas orang-orang Islam *Patani* tetap terpendam dalam senubari *Tengku Lamidin*, sehingga beliau melakukan pemberontakan terhadap kuasa *Siam*. Pertempuran kali ini memakan masa selama tiga tahun. Tetapi *Patani* gagal dan lemah menyebabkan sekali lagi negeri itu jatuh di bawah kuasa *Siam*. Tentera *Siam* memusnahkan kota raja, merampas harta benda dan menawan orang-orang Islam Melayu *Patani* di Bangkok dan *Tengku Lamidin* turut ditawan dan dipenjara seumur hidup. Peristiwa itu berlaku pada tahun 1791 M.³²

Pada tahun 1809 M., sekali lagi pertempuran berlaku antara *Siam* dan *Patani*. Pertempuran ini berlaku setelah *Datu*³³ *Pengkalan* yang dilantik oleh *Siam* sebagai raja *Patani* menggantikan *Tengku Lamidin*, menghalau orang-orang *Siam* dan pesuruhjayanya dari *Patani*. Akhirnya *Datu Pengkalan* terkorban di medan

³⁰ A. Malek (1993), *op. cit.*, h. 96.

³¹ Dagorha (1997), *op. cit.*, h. 6.

³² A. Bangnara (1977), *op. cit.*, h. 34.

³³ *Datu* ialah gelaran kehormatan (sebagai anugerah). Dan *datu* ada juga digunakan dengan erti raja, ratu. Lihat *Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996)*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 276.

pertempuran dan datu-datu lain terpaksa melarikan diri. Sekali lagi *Patani* jatuh ke tangan *Siam*, sekalipun pada awal pertempuran itu tentera *Siam* terpaksa mengundur diri, hasil daripada kekuatan *Patani* yang masih ada.³⁴

Pada masa *Siam* diperintah oleh *Raja Siam Rama II* atau *Phra Putta Lert-Lah Napolai* (1809-1824 M), beliau membentuk pemerintahan baru dengan melantik *Nai Khung Sai* dari keturunan *Siam* sebagai raja *Patani* tanpa melantik seorang raja Melayu. Hal inilah buat kali pertamanya, orang-orang Melayu umat Islam *Patani* telah diterajui pucuk pemerintahannya oleh seorang yang bukan Islam. Dengan kesempatan ini, *Nai Khung Sai* telah memasukkan seramai 500 orang keturunan *Siam* dari Phatalung dan Singgora untuk memecahkan perpaduan umat di *Patani*.³⁵

Pada tahun 1815 M. *Patani* telah dibahagikan kepada tujuh negeri iaitu *Patani*, *Nongcik*, *Jaring*, *Saiburi*, *Jala*, *Raman* dan *Rangek* oleh kerajaan *Siam*. Setiap negeri kecil itu diperintah oleh orang-orang Melayu Islam tempatan sesudah mendapat perlantikan dari *Siam*, kecuali negeri *Jaring* (Jambu) diperintah oleh orang *Siam* iaitu *Nai Phai*.³⁶

Dalam tahun 1902 M. *Patani* dijadikan sebahagian daripada taklukan kerajaan *Siam* dengan menghapuskan sistem beraja Melayu yang ada pada masa itu dan menguatkuasakan undang-undang *Siam* sepenuhnya.³⁷

³⁴ *Ibid*, h. 35. Dan lihat Dr. Kobkua Suwannathat-Pian (1991), *Sejarah Thai zaman Bangkok*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h.92.

³⁵ A. Malek (1993), *op. cit.*, h.102.

³⁶ Dagorha (1997), *op. cit.*, h. 8.

³⁷ Nathawan Phusawang (1978), *Panha Chao Thai Muslim Nai Si Changwad Pak Tai*, Bangkok: Chomrom Sangkommasart, h. 8.

Dalam tahun 1916 M. *Patani* sekali lagi dibahagikan oleh kerajaan *Siam* dengan mengubah penggunaan negeri kepada cangwad (wilayah) di samping menjadikan *Patani* salah satu wilayah dari wilayah-wilayah negeri Thai dan juga nama *Patani* diubah kepada *Pattani*.³⁸

Pada tahun 1932 M. *Yala* dijadikan sebagai satu wilayah yang berada di bawah kerajaan Thai yang asing dari wilayah *Pattani*.³⁹

Wilayah *Yala* mempunyai delapan daerah pentadbiran yang disusun rapi iaitu : 1. *Muang Yala* 2. *Betung* 3. *Banang sata* 4. *Yaha* 5. *Raman* 6. *Thanto* 7. *Kabang* dan 8. *Krong pinang*.⁴⁰

Dengan itu, penulis memilih *Bandar Yala* (Daerah *Muang Yala*) sebagai suatu tempat tumpuan utama dalam kajian ini kerana *Yala* merupakan salah satu wilayah di Selatan Thailand yang penduduknya 80% adalah daripada kalangan orang Melayu dan mereka dapat menggambarkan perwatakan dan budaya umat Islam di Selatan Thai.

³⁸ Abdul Ghani Ya'kub ada menyatakan dalam kertas kerjanya Masirah Al-Lughah Al-'Arabiyyah Fi Fatani, h. I: Perkataan *Patani* asal daripada dua perkataan merangkap iaitu (pak) dan (tani), dengan kejamaan sebutan itu berubah di kalangan masyarakat kepada (Petani), akhirnya perkataan (Petani) diubah oleh Al-'Alim Al-Jalil Al-Syeikh Ahmad Ibn Mehammad Zain bin Mustafa Al-Fatani (1856-1908) kepada Fatani (فطاني) berarti kecerdikan dan kepintaran, ini adalah berdasarkan kecerdikan dan kepintaran rakyat negeri ini. (Dr. Ra'uf Salabi (1982), *al-Daulah al-Islamiyah fi Fātānī wa Juzru al-Filiphīn*, c. 1. al-Kuwait : Dār al-Qalam, h. 33-34.)

³⁹ *Yala* Provincial Statistical Office (1999), *Statistical Reports of Changwat (Yala)*, Bangkok: Statistical Data Bank and Information Dissemination Division National Statistical office, h. 10.

⁴⁰ Samnakngan Praca Sungkrak Cangwad *Yala* (2000), *Komun Sawadikan Sangkum Radap Kernareang Cangwad Yala*, Bangkok : Kerum Praca Sungkrak Kra'suang Ringgan Li Sawadikan Sangkum, h.2.

1.2 GEOGRAFI DAN PENDUDUK

Wilayah *Yala* terletak di Semenanjung Tanah Melayu, di antara garisan lintang 6°-7° utara dan garisan bujur 100°-102° timur. Jarak di antara Bangkok (Ibu kota) dengannya kira-kira 1,039 k.m mengikut jalan kereta api dan 1,395 k.m mengikut jalan raya dan 1,084 mengikut jalan raya baru. Wilayah ini mempunyai keluasan kira-kira 4,521.077 kilometer persegi 6.4 % bagi Selatan Thai.⁴¹

Pada umumnya wilayah *Yala* terletak di kawasan tanah pamah. Pada musim hujan biasanya berlaku banjir dan pada musim kemarau berlaku kekurangan air untuk pertanian. Wilayah *Yala* mempunyai pergunungan penting yang menjadi sempadan bagi negeri Thai dan Malaysia, iaitu pergunungan *Sangkala Khiri*. Pergunungan ini panjangnya lebih kurang 428 kilometer bermula daripada wilayah Satun melalui wilayah-wilayah Songkhela, *Yala*, *Pattani* dan *Narathiwat*. Selain itu ia juga mempunyai pergunungan yang berada dalam wilayah *Yala* iaitu pergunungan *Pilo* yang terletak di kawasan mukim Budi, Bannang Saring dan Krung Pinang bagi daerah Muang *Yala* dan daerah Raman. Wilayah ini juga dua batang sungai yang panjang lagi penting iaitu *Sungai Pattani* dan *Sungai Saiburi*.⁴²

Wilayah *Yala* mempunyai sempadan-sempadan seperti : Wilayah *Songkhla* dan wilayah *Pattani* di utara. Malaysia (Perak) di selatan. Wilayah *Narathiwat*

⁴¹ *Yala Provincial Statistical Office (1999), op. cit., h. 10-11.*

⁴² Samnakngan Satithit Cangwad *Yala* (2000), *Raingan Kan Samruat Kuamkidhin Kon Peracacun Kiau Kab Kan Seksa Kan Kila Li'Kan Tuntiau Tahun 1999 Wilayah Yala, Yala: Samnakngan Satithik, h.11.*

dan Malaysia (Perak) di timur dan Wilayah *Songkhla* dan Malaysia (Kedah) di barat.⁴³

Iklim Wilayah *Yala* adalah sederhana, tidak terlalu panas dan terlalu sejuk, Suhu puratanya antara 23.9-34.3'. Bahagian ini mempunyai dua musim dalam setahun iaitu musim hujan dan musim kemarau. Musim hujan berlaku antara bulan Jun hingga Februari. Jumlah air hujan dalam setahun sekitar 1,848.8 milimeter. Musim kemarau pula berlaku sekitar bulan Februari hingga Mei.⁴⁴

Jumlah penduduk Selatan Thai Bawah ialah seramai 1,717,174 orang. Dari jumlah keseluruhan penduduk kawasan ini, 80.11 peratus ialah penduduk yang beragama Islam, 18.89 peratus terdiri daripada penduduk yang beragama Budha, dan hanya 1 peratus terdiri daripada penduduk-penduduk yang beragama Kristian dan Hindu.

⁴³ Yala Provincial Statistical Office (1999), *op. cit.*, h. 10.

⁴⁴ Pusat Matlumat Wilayah *Yala* (2000), *Peng Lung Thun Wilayah Yala Khamun Pengtan, Yala: Samnak Ngan Wilayah*, h.1-3.

Jadual 1.1

Bilangan Penduduk Umum Dan Islam Di Selatan Thai Bawah.

Wilayah	Jumlah Penduduk	Penduduk Beragama Islam	Peratus
<i>Pattani</i>	595,985	480,456	80.61 %
<i>Yala</i>	431,188	330,247	76.59 %
Naratiwat	690,001	565,800	82.00 %
Jumlah	1,717,174	1,376,503	80.11 %

Sumber : *Sannak Ngan Leakha Nukan Krom Kar Pok Kherong (2000)*, h.115.⁴⁵

Jumlah penduduk Wilayah *Yala* adalah seramai 431,188 orang .Lelaki 214,448 orang. Perempuan 216,740 orang.Dari jumlah keseluruhan penduduk di kawasan ini, 76.59 peratus ialah penduduk yang beragama Islam, 22.41 peratus terdiri daripada penduduk yang beragama Budha dan hanya 1 peratus terdiri daripada penduduk-penduduk yang beragama Kristian dan Hindu.⁴⁶

Bandar *Yala* mempunyai kawasan seluas 264.023 kilometer persegi dan didiami oleh sejumlah 160,300 orang yang beragama: (1). Islam 79% (2). Budha 20 % (3). Kristian 0.7 % (4). Lain-lain 0.3%.⁴⁷

⁴⁵ Sannak Ngan Leakha Nukan Krom Kar Pok Kherong (2000), *Bantheek Nak Pok Kherong, Sannak Ngan Leakha Nukan Krom Kar Pok Kherong*, Bangkok : h.115.

⁴⁶ Ngan Satitit Ringnan Fai Satitit Ringnan Kong Satitit Sangkum (2000), *Tarang Satitit Krongkan Samruat Phawatkan Thamngan Khong Pracacum Radab Changwat Rab Thi 2*, Bangkok : Sannak Ngan Satitit Hing Cat, h.89.

⁴⁷ Majlis Agama Islam Wilayah *Yala* dan Song Khamun Wilayah *Yala* (2000), *Banyai Sarup Wilayah Yala, Yala* : Sannak Ngan Wilayah *Yala*, h.3.

Jadual 1.2

Keluasan Bumi Dan Bilangan Penduduk Umum Di Wilayah Yala.

Daerah	Kawasan (empat persegi)	Mukim	Kampong	Jumlah penduduk (orang)		Jumlah
				Lelaki	Perempuan	
Muang Yala	245.023	13	71	79,311	80,989	160,300
Yaha	500.001	7	43	22,512	22,912	45,424
Raman	516.031	16	82	37,512	38,613	76,125
Banang sata	629.013	6	42	23,021	23,147	46,168
Betung	1,255.001	4	27	26,411	25,838	52,249
Than To	648.009	4	33	8,857	9,502	18,359
Ka Bang	451.000	2	16	6,134	7,213	13,347
King Amphoe Krong Pinang	185.000	4	19	9,275	9,941	19,216
Jumlah	4,521.078	58	333	213,033	218,155	431,188

Sumber : *Yala Provincial Statistical Office and Statistical Data Bank and Information Dissemination Division (2000), h.12.*

Jadual 1.3

Bilangan Masjid, Tadika Dan Penduduk Umum Dan Islam Di Wilayah Yala.

Daerah	Jumlah Penduduk	Penduduk beragama Islam	Peratus	Masjid	Tadika
Muang Yala	160,300	126,774	79.09	93	98
Yaha	45,424	36,900	81.23	51	51
Raman	76,125	61,805	81.19	109	109
Banang sata	46,168	37,250	80.68	50	50
Betung	52,249	25,000	47.85	18	18
Than To	18,359	14,000	26.27	13	13
Ka Bang	13,347	9,322	69.84	15	15
King Amphoe Krong Pinang	19,216	19,196	99.00	30	30
Jumlah	431,188	330,247	76.59	379	384

Sumber : *Majlis Agama Islam Wilayah Yala (t.t) ,Statistik October, 2002.*

1.3 SUMBER EKONOMI

Pekerjaan asasi bagi penduduk selatan Thailand adalah berkebun getah, bersawah padi, berkebun kelapa dan buah-buahan, nelayan, penternakan binatang-binatang seperti lembu, kerbau, ayam, itik dan lain-lain, di samping terdapat juga perlombongan bijih timah dan perniagaan. Sebilangan besar daripada mereka ialah pekebun, pesawah dan bercucuk tanam. Purata pendapatan tahunan bagi seseorang penduduk dalam kawasan ini mengikut statistik yang

dibuatkan oleh pejabat sekeritaris bahagian pemerintahan negara Thai pada tahun 1996 M adalah seperti jadual berikut.⁴⁸

Jadual 1.4

**Perolehan Kasar Hasil Pengeluaran Pada Harga Pasaran Semasa Oleh
Perindustrian Semulajadi : 1994-1996.**

(Thousand Baht)

Industrial origin	1994	1995	1996
Pertanian	3,935,299	5,356,260	5,417,670
Tanaman	3,210,173	4,417,413	4,428,141
Binatang-binatang ternakan	221,494	309,422	245,189
Nelayan	21,774	24,800	30,266
Perhutanan	46,901	37,459	40,384
Perkhidmatan disegi Pertanian	9,360	10,050	104806
Proses hasil pertanian dengan Mudah	425,597	557,116	662,924
Perlombongan dan kuari	34,274	35,040	48,790
Mengilang	1,185,001	1,625,117	1,658,780
Pembinaan	1,050,455	1,266,385	1,176,573
Tenaga elektrik dan bekalan air	275,715	304,595	288,505
Pengangkutan dan komunikasi	646,933	851,174	927,166
Pedagangan secara borong dan jualan rucit	2,178,843	2,466,881	2,572,865
Urusan Bank, insurans dan hartatana	600,634	697,683	779,051
Hakmilik bagi tempat kediaman	504,927	564,976	627,514
Pentadbiran kerajaan dan pertahanan negara	969,573	1,167,536	1,241,712
Perkhidmatan	1,734,331	2,312,679	2,377,628
Penghasilan kasar bagi Wilayah (GPP)	13,115,935	16,648,326	17,116,254
Per Kapita GPP (Baht)	34,335	42,908	43,442
Jumlah penduduk (1,000 orang)	382	388	394

Sumber : Yala Provincial Statistical Office (1999).

⁴⁸ Samnak Ngan Lekhanukan Krom Kan Pok kherong (1991), *Bantheek Nek Pok Kherong*, Bangkok: Samnak Ngan Leakha Nukar Krom Kar Pok Kherong, h. 199, 127, 144, 160, 162.

Udara wilayah *Yala* adalah sederhana dan buminya subur, sesuai untuk bercucuk tanam. Sumber ekonomi asasi bagi kawasan ini ialah buah-buahan dan getah. Dokong adalah sejenis buahan yang istimewa dan paling tinggi harga pasarannya.

Getah adalah sumber ekonomi yang utama bagi kawasan ini dan juga merupakan hasil eksport negara Thai yang paling besar dibandingkan dengan jenis-jenis pengeksporan yang lain. Jumlah pengeluarannya meningkat kepada 54.26 peratus daripada keseluruhan pengeksporan negara Thai.⁴⁹

1.4 SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN

Yala adalah salah satu wilayah negara Thai, oleh itu sistem pemerintahannya ialah sistem pemerintahan bagi negara Thai itu sendiri. Sistem pemerintahannya ialah demokrasi beraja iaitu raja sebagai pemimpin tertinggi bagi negara. Susunan sistem pemerintahannya adalah seperti berikut:⁵⁰

I. Raja sebagai pemimpin tertinggi bagi negara. Pertabalannya mengikut perundangan negara iaitu dengan cara keturunan.

II. Parlimen negara Thai mempunyai dua dewan iaitu *Dewan Rakyat* dan *Dewan Negara*. Dewan-dewan ini mempunyai dua fungsi yang utama, iaitu:

- a. Menggubal perundangan - untuk praktikal yang dapat menyumbang kepada kemaslahatan negara.

⁴⁹ The Administrative Center For The Southern Border Provinces (t.t), *op. cit.*, h. 23.

⁵⁰ The Administrative Center For The Southern Border Provinces (t.t). *Thai Muslim IN the Southernmost Of Thailand, Yala: The Administrative Center For The Southern Border Provinces*, h. 17-18.

- b. Pengurusan ke atas pelaksanaan menteri-menteri dalam pengurusan mereka.

III. Dewan pelaksanaan. Termasuk dalam bahagian ini ialah kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri. Keanggotaan bagi kabinet disahkan oleh raja, di samping mereka mesti melaksanakan upacara angkat sumpah di hadapan raja sebelum melaksanakan apa-apa pengurusan dan pentadbiran negara.⁵¹

Kabinet bertanggungjawab secara langsung ke atas pentadbiran negara di hadapan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Tanggungjawab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- a. tanggungjawab bersama daripada kalangan menteri-menteri ke atas pentadbiran negara mengikut dasar dan polisi yang dinyatakan.
- b. tanggungjawab individu menteri ke atas pentadbirannya yang berhubungan dengan polisi dan kemaslahatan kementeriannya.

IV. Badan kehakiman. Badan ini dikuasai oleh para hakim dan mereka diberi kebebasan secukupnya kepada mereka dalam usaha menjalankan urusan kehakiman mengikut perundangan negara demi membuktikan keadilan dan hak kerakyatan.⁵²

Mengikut perundangan cara pentadbiran kerajaan *Siam* 1933. Pentadbiran negara Thai terbahagi kepada tiga bahagian iaitu;

⁵¹ *Ibid.*

⁵² *Ibid.*

i. Pentadbiran Bahagian Pusat

ia merupakan pentadbiran tertinggi dalam negara yang terbahagi kepada kementerian-kementerian untuk menjalankan urusan negara.

ii. Pentadbiran Bahagian Daerah

Pentadbiran di bahagian ini dibahagikan kepada wilayah-wilayah dan daerah-daerah (*Changwad dan Amphoe*)

iii. Pentadbiran Bahagian Tempatan

Pentadbiran di bahagian ini dibahagikan kepada organisasi-organisasi pentadbiran tempatan, perbandaran dan dewan mukim.

Tiap-tiap wilayah mempunyai beberapa daerah dan sub daerah, manakala daerah dan sub daerah pula mempunyai beberapa mukim (Tambon), dan ada kalanya mempunyai dewan perbandaran negeri (Thetsaban Muang) atau dewan perbandaran mukim (Thetsaban Tambon) atau majlis perbandaran daerah (Sukha Phiban). Tiap-Tiap mukim pula mempunyai beberapa kampung.⁵³

iv. Pentadbiran Agama Islam

Islam adalah satu agama yang berlainan daripada agama-agama lain di setiap aspek dan jurusan terutama dalam bahagian perundangan agama (Syari'at). Islam mempunyai perundangan tersendiri dan ia juga sangat-sangat diperlukan oleh umat Islam itu sendiri dalam kehidupan harian mereka.⁵⁴

⁵³ Chapakia (2000), *op. cit.*, h. 23-26.

⁵⁴ Daghera (1997), *op. cit.*, h. 14-15.

Bertolak dari keperluan dan kesedaran ini maka umat Islam membuat rayuan kepada Thai untuk mendapat kebenaran secara rasmi yang akhirnya permohonan ini diterima. Maka terbentuklah satu majlis tertinggi bagi pentadbiran agama Islam yang terletak di kota Bangkok yang dinamakan *Majlis Syaikh al-Islam*. Majlis ini berkuasa ke atas majlis-majlis agama Islam wilayah manakala majlis-majlis agama Islam wilayah pula terdapat di bawahnya masjid-masjid dan masjid-masjid ini selain digunakannya untuk beribadat, tempat ini juga dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan kegiatan agama Islam bagi sesebuah kampung. Masjid ditadbirkan oleh imam, khatib, bilal dan dua belas orang ahli jawatankuasa, mereka ini dilantik oleh pegawai majlis agama Islam wilayah melalui proses pemilihan yang dibuat oleh penghuni-penghuni kampung yang beragama Islam.⁵⁵

2. PENGERTIAN TAJUK

Tajuk disertasi ini ialah "*Pengaruh Kebudayaan Thai Dalam Masyarakat Islam di Selatan Thai : Suatu Kajian Khusus di Bandar Yala.*" Daripada tajuk yang dikemukakan ini memang tidak dapat dinafikan bahawa bidang kajiannya amat luas. Penulis akan menerangkan di bawah ini definisi perkataan yang terkandung dalam tajuk serta menerangkan bidang kajian yang akan penulis laksanakan di dalam disertasi ini.

2.1 Definisi Pengaruh

Perkataan "kesan" atau "implikasi" sering disama ertikan dengan perkataan pengaruh. Dengan lebih jelas lagi, menurut Kamus Dewan yang dimaksudkan dengan "*Pengaruh*" bererti kuasa yang terbit daripada orang tertentu ke atas

⁵⁵ *Ibid.*

orang lain atau kuasa yang terbit daripada benda tertentu ke atas benda lain, atau dikatakan juga dengan “kekuatan Batin”.⁵⁶ Manakala R.O. Winstedt pula menyatakan pengaruh ialah “Kuasa yang menguasai sesuatu benda”.⁵⁷

Daripada kedua-dua takrifan ini dapat disimpulkan bahawa pengaruh di dalam konteks penulisan ini bermaksud untuk mengkaji setakat manakah kekuatan pengaruh kebudayaan Thai terhadap budaya dan cara hidup masyarakat Islam yang terdapat di Selatan Thai.

2.2 Kebudayaan Thai

Apabila manusia hidup secara berkumpulan dan bermasyarakat, maka dengan sendirinya mereka dapat membentuk kebudayaan mereka tersendiri yang selaras dengan keadaan penghidupannya dan apabila bercampur dengan masyarakat asing dengan sendirinya atau secara tidak langsung mereka akan menerima kebudayaan golongan asing itu untuk disesuaikan dengan kedudukannya.

Apabila dikaji sejarah zaman silam dan sekarang penduduk Thai didapati telah terpengaruh dengan kebudayaan tempatan seperti dari bangsa Was atau Lawas dan Mon-Khmer dan juga budaya negara-negara yang membuat hubungan dengan Thai seperti India, Cina dan negara-negara Barat.⁵⁸ Walaupun Thai terkenal dengan negara yang telah berjaya sebagai kerajaan yang merdeka di

⁵⁶ E. Teuku Iskandar (1988), *Kamus Dewan*, c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 862.

⁵⁷ R.O. Winstedt (1970), *Kamus Bahasa Melayu*, c. 4. K.L : Merican and Son, h. 229.

⁵⁸ Yut Santisumbat (1997), *Manu' kab Vatana'tam*, c. 2. Bangkok: Thammasat University, h.11.

tengah-tengah penjajah Inggeris dan Perancis di Asia Tenggara,⁵⁹ tetapi dari sudut kebudayaannya Thai sudah terpengaruh dengan budaya bangsa asing.⁶⁰

Percampuran di antara kebudayaan-kebudayaan itu akhirnya menjadi kebudayaan Thai yang disetujui oleh penduduk Thai. Dari masa ke masa penduduk Thai banyak terpengaruh dengan kebudayaan India terutamanya dari segi agama, pemerintahan, adat istiadat, kesenian, samada dalam bentuk tulisan atau lukisan dan juga cerita-cerita dongeng, kemudian kebudayaan Thai mula terpengaruh dengan kebudayaan Barat secara menyeluruh, seperti pakaian orang Thai di zaman dahulu, mereka menggantung kain secukup dengan badan, dan dibelitkan kain itu pada badan mereka. Namun sejak kebelakangan ini mereka mula berubah dan terpengaruh dengan kebudayaan barat.

Bentuk pakaian mereka telah mengalami proses perubahan di mana mereka mula berseluar dan berbaju yang berkancing pada lengan, mudah untuk memakai dan menanggalkannya serta berfesyen seiring dengan kemajuan zaman sekarang. Demikian juga bentuk binaan bangunan dan rumah orang Thai di zaman dahulu, mereka membinakan rumah mengikut kebudayaannya, kemudian bila berhubung dengan negara barat mereka mula berubah mengikut kebudayaan barat seperti rumah bersimen dan sebagainya.⁶¹

Adapun kebudayaan *Cina* juga mempengaruhi penduduk Thai tetapi tidak terlalu jelas kerana hubungan di antara orang Thai dengan orang *Cina* sangat

⁵⁹ Ismail Haji Ali dan Abdullah Haji Ismail (1977), *Kursus ulangkaji Sejarah Asia Tenggara Asia Selatan dan Asia Timur 1824-1954*, c. 5. Kelantan Malaysia: Pustaka Aman Press SDN. BHD., h. 218. Dan Sufian Taimon (1973), *Intisari Asia Tenggara*, c.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 115.

⁶⁰ Acan Pak Vica Sangkumvitaya Li Manuvitaya Kana' Ratasat, Culalungkon University (1997), *Sangkum li Watana'tam*, c. 6. Bangkok: Culalungkon University, h. 25.

⁶¹ Narung singpraca (t.t), *Foundations of Thai Culture*, Bangkok : Odian Star, h. 62.

rapat. Disamping itu orang *Cina* juga terpengaruh dengan kebudayaan barat dalam kehidupan seharian mereka.⁶²

Perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh penduduk Thai adalah hasil daripada percampuran pelbagai budaya yang akhirnya menjadi satu kebudayaan yang diterima oleh penduduk Thai. Kemudian diakui sebagai kebudayaan Thai yang mana bentuknya dipegangi oleh beberapa unsur kepercayaan dan amalan hidup seperti:-

i. Agama

Agama Buddha adalah satu agama rasmi bagi negara Thai kerana masyarakat Thai pada umumnya menerima agama Buddha sebagai pegangannya semenjak zaman Sukuthai lagi (Satu zaman pemerintahan *Siam*) dan turun temurun sampai sekarang.⁶³

Cara hidup dan kegiatan orang Buddha juga berkait rapat dengan agamanya, seperti cara beribadat dalam kuil (*Wad Siam*), adat perkahwinan dan adat naik rumah baru, sehinggalah kepada cara hidup mereka pun berkait dengan agama mereka. Dalam ibadah seharian, ianya dibantu oleh sami bagi menjayakan upacara tersebut.

Walaupun agama Buddha dianggap sebagai agama rasmi dan sebagai satu budaya, tetapi ada juga di antara penduduk Thai yang beragama lain, cuba

⁶² Yut Santisumbat (1997), *op. cit.*, h. 66-67.

⁶³ Hussein Ahmad (1971), *Sejarah Thailand (dari pra-sejarah hingga sekarang)*, c. 1. Kota Bharu, Kelantan, Malaysia: Pustaka Aman Press, h. 13.

membawa masuk kepercayaan mereka, ke dalam agama Buddha seperti agama yang bertuhankan hantu dewa, kemudian mereka mencampur adukkannya.⁶⁴

ii. Sistem Raja

Mempunyai Raja adalah sebagai pemimpin. Masyarakat Thai mempunyai raja semenjak zaman silam lagi, turun temurun sampai sekarang, Raja mempunyai peranan yang penting dalam melantik ahli politik menjadi speaker parlimen dan speaker parlimen melantik perdana menteri sebagai pemerintah yang tertinggi di dalam negeri.

Penduduk Thai memberi penghormatan yang tinggi terhadap raja. Raja dianggap sebagai tempat tumpuan dari segi rohani dan jasmani, mereka menganggap bahawa raja itu mempunyai kuasa yang tertinggi di dalam negeri. Dengan demikian mereka memuja dan menyembah ke mana sahaja baginda pergi.⁶⁵

iii. Bentuk Tulisan Huruf Thai

Masyarakat Thai mempunyai tulisan huruf Thai dan bahasa Thai semenjak zaman Sukothai lagi. Mereka menggunakannya sampai sekarang. Bahasa Thai mempunyai huruf dan angka yang tersendiri. Bahasa ini hanya digunakan oleh sekumpulan kecil dari negara-negara jirannya, dengan itu bahasa ini menjadi satu kebudayaan Thai yang tertentu.⁶⁶

⁶⁴ Singpraca (t.t.), *op. cit.*, h. 67.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ *Ibid.*, h. 68.

iv. Adat Resam Thai

Thai mempunyai adat resam yang menjadi kebudayaan semenjak zaman silam lagi, yang menunjukkan sebagai cara hidup orang Thai di zaman dahulu dan berkaitan dengan agama Buddha, seperti adat masuk kumpulan sami dalam kuil (monastery). Mereka berpegang bahawa itu untuk membalas budi ibu bapa dan ketaatannya, kerana perbuatan seperti itu dapat membawa ibu bapa ke syurga dengan bergantung di kain kuning anaknya. Kebiasaannya mereka melakukan demikian pada anak lelaki yang berumur 20 tahun. Tempoh masa mereka berada di kuil Buddha itu selama satu tahun, atau empat bulan, tetapi sekarang ini mereka menggunakan masa yang pendek dengan hanya dua minggu atau sebulan sahaja.⁶⁷

Adat nikah kahwin yang dilaksanakan ialah seperti adat merisik, peminangan dan adat nikah kahwin yang dilengkapi dengan membawa semangat sirih pinang, upacara ini dilakukan oleh sami Buddha upacara menyembah nenek moyang, upacara siram air oleh sami Buddha, dan upacara berdo'a, upacara walimah, memberi hadiah kepada pengantin, upacara hampar tempat tidur, atur tilam dan upacara hantar menghantar. Pada zaman sekarang, ianya dikira rasmi sekiranya urusan kahwin mengikut undang-undang kerajaan iaitu dengan mempunyai surat nikah.⁶⁸

Salah satu cara hidup mereka ialah upacara kematian dengan memandikan mayat, memakai baju mengikut peringkatnya, menyalakan lilin di sekeliling mayat, upacara sami Buddha, bawa mayat ke kuil Buddha, membakarkannya,

⁶⁷ *Ibid.*, h. 69.

⁶⁸ *Ibid.*

menyimpan debu dari tulang mayat dan memberikannya kepada ahli keluarga simati, untuk disimpan dan memujanya.⁶⁹

Salah satu adat istiadat orang Thai ialah upacara menyambut tahun baru yang dinamakan Wan Sung Kran (Songkran Festival Day) iaitu pada tanggal 13 April. Tahun baru ini mula digunakan pada zaman Krung Sukuthai sehingga tahun 2483 bersamaan dengan tahun 1940 M. Mereka menukarkan tahun baru kepada 1 Januari dan upacara tahun baru *Siam* ini masih diamalkan hingga sekarang, iaitu dengan menyembur air kepada mereka yang lalu lalang, serta membuat upacara daripada sami Buddha. Pada sekarang ini, mereka menambahkan dari satu hari kepada tiga hari iaitu Mulai 13 hingga 15 April pada setiap tahun. Sampai mereka menutup segala pejabat-pejabat kerajaan, kedai-kedai jualan dan institut-institut pengajian.⁷⁰

Salah satu adat istiadat lagi yang sentiasa dilakukan oleh masyarakat Thai ialah hari Loukratung (Ceremony of floating miniature ships made of banana leaves)⁷¹ iaitu adat istiadat yang berasal dari mengapungkan berhala Prathip bagi kumpulan Brahma di India. Negara Thai mengamalkan amalan ini bermula sebelum zaman Sukhuthai sampai zaman Sukhuthai. Apabila ajaran Buddha tersebar di negara Thai, sebagai menggantikan agama Hindu, amalan mengapungkan berhala ditukar kepada bunga-bunga yang bermacam-macam jenis. Ianya berlaku pada waktu bulan purnama (15 haribulan) iaitu pada bulan yang kedua belas pada setiap tahun. Pada tahun ini ianya bersamaan dengan 19

⁶⁹ *Ibid.*, h.70.

⁷⁰ Nungyau Channarung (1996), *Culture and Religions*, c. 3. Bangkok: Sannakpim Ramkamhing Univesity, h. 161.

⁷¹ Kamun Paupicit (1961), *Dictionary Thai English*, Bangkok: Ruam Radi Pluncit Pranakon, h.525.

November 2002. Adat istiadat ini masyhur di kalangan raja sampai ke rakyat jelata dan sekarang ini ianya masih lagi diamalkan sebagai adat istiadat dengan secara besar besaran.⁷²

v. Cara Hidup

Kebudayaan yang menjadi asas bagi cara hidupnya adalah pakaian, tempat tinggal, makanan dan ubat-ubatan. Mereka berpakaian mengikut keadaan semasa. Pakaian bagi lelaki adalah ringkas dan mudah tetapi bagi kaum wanita mereka memakai pakaian mengikut fesyen dari Barat. Sementara tempat tinggal, mereka gemar membina rumah yang tinggi dan dapat duduk di bahagian bawah rumahnya. Tetapi sekarang ini, mereka lebih berminat dan suka membina rumah mengikut bentuk binaan Barat. Berkenaan dengan makanan, ianya ringkas iaitu dengan memakan sambal, sayuran dan sayur asam pedas. Mereka makan nasi tiga kali sehari tetapi sekarang ini kebanyakan mereka lebih suka makan makanan Barat. Berkenaan dengan ubat-ubatan pula, mereka lebih suka menggunakan cara perubatan tradisional seperti bomoh-bomoh kampung yang menggunakan akar kayu dan do'a, namun sekarang ini sudah ramai daripada mereka memilih untuk mendapat rawatan di hospital.⁷³

vi. Kesenian Thai

Kesenian Thai seperti hasil penulisan cerita dongeng, muzik, lukisan-lukisan zaman dahulu yang seakan lukisan dari India, acuan-acuan yang berbentuk rupa binatang, sami-sami Buddha dan orang-orang kenamaan di negara Thai dan

⁷² Puang Paka Ku'rowat (1993), *Thai Arts And Culture*, c. 2. Bangkok: Amun Kan Pim, h.173.

⁷³ Singpraca (t.t.), *op. cit.*, h. 70.

juga patung-patung yang berada di rumah-rumah, di tepi jalan dan juga di dalam kuil Buddha. Sekarang ini binaan-binaan seperti istana raja, kuil Buddha, gereja dan sebagainya, lebih cenderung kepada reka bentuk barat, seperti rumah batu bersimen yang berbentuk hamparan di atas bumi.⁷⁴

vii. Etika Masyarakat Thai

Akhlak dan perangai orang Thai adalah lemah lembut, dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat lain, seperti senyum, angkat tangan sembah, sebagai satu tanda kehormatan ketika berjumpa sesama mereka dan sujud kepada raja, dan kedua ibu bapa. Mereka juga bersifat belas kasihan, pengorbanan, juga mempunyai jiwa persahabatan dengan semua orang, memberi penghormatan kepada orang tua dan sebagainya.⁷⁵

Cara berehat orang Thai dengan menggunakan masa rehat dalam rumah dan di luar rumah, seperti mendengar radio, televisyen, membaca buku dalam rumah, adapun berihat di luar rumah seperti menonton wayang di panggung wayang, membeli belah di kedai, berseronok di kelab-kelab malam, bermain-main di taman kanak-kanak, zoo, dan pantai-pantai juga air-air terjun; Adapun cara berehat di kampung adalah bermain judi, lompat tali, sepak takraw, tinju Thai (Thai boxing), bermain wau dan sebagainya.⁷⁶

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ *Ibid.*, h. 71.

⁷⁶ *Ibid.*, h. 72.

2.3 Masyarakat Islam

Penduduk Islam di Thailand ialah masyarakat minoriti. Mereka dipandang penting dalam strategi keamanan dan kestabilan politik negara kerana kedudukan mereka sebahagian besarnya tertumpu di kawasan selatan; khususnya di wilayah-wilayah yang bersempadan dengan negara Malaysia iaitu *Pattani*, *Yala*, *Narathiwat* dan Satun. Bagi wilayah-wilayah lain, walaupun mereka sebagai golongan minoriti, tetapi sebahagian besar daripada mereka tertumpu di daerah atau kawasan tertentu yang menjadikan mereka majoriti dan dominan di kawasan itu. Misalnya di wilayah *Songkhla*, kedudukan mereka hanya 20% dari jumlah penduduk umum wilayah tersebut. Tetapi mereka menjadi dominan dalam empat daerah iaitu Cenak, Natawi, Thepa dan Sabayoi. Pada tahun (1994), dicadangkan supaya empat daerah ini diasingkan dari wilayah *Songkhla* dan membentuk sebuah wilayah tersendiri. Sampai sekarang cadangan itu sedang dipertimbangkan oleh Kementerian Dalam Negeri.⁷⁷

“*Selatan Thai*” yang dimaksudkan pula ialah kawasan yang terkenal pada masa silam dengan kerajaan *Patani Dar al-Salam* terdiri daripada wilayah *Pattani*, *Yala*, *Narathiwat* dan sebahagian daripada wilayah Songkhela (Singgora). Wilayah yang menjadi tumpuan kajian disertasi ini ialah wilayah *Yala* iaitu di bandar *Yala*. Yang dimaksudkan dengan bandar *Yala* ialah kawasan Daerah Muang *Yala*. Sebab-sebab tidak dibicarakan semua Selatan Thai kerana kawasan yang dipilih oleh penulis (Bandar *Yala*) ini boleh mewakili seluruh tempat di kawasan Masyarakat Islam Selatan Thai.⁷⁸

⁷⁷ Chapakia (2000), *op. cit.*, h. 20.

⁷⁸ Dagorha (1997), *op. cit.*, h. 23.

Berdasarkan pengertian di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini adalah berhubung dengan pengaruh kebudayaan Thai terhadap masyarakat Islam di Selatan Thai. Kebudayaan Thai mengandungi beberapa unsur kepercayaan dan amalan hidup seperti:

Agama rasmi bagi negara Thai ialah agama Buddha, mempunyai raja sebagai pemimpin, bentuk tulisan tersendiri, adat resam mereka banyak berkaitan dengan agama Buddha, keseniannya berbentuk patung-patung berhala, cara memberi penghormatan biasanya mereka mengangkat tangan sembah bila berjumpa dengan sesama mereka dan bila berdepan dengan raja, mereka sujudkan kepada raja-raja mereka. Huraian lanjut berhubung dengan pengertian kebudayaan dan Masyarakat Islam ini akan disentuh oleh penulis di dalam bab dua.

3. PERUMUSAN MASALAH

Untuk mengkaji pengaruh kebudayaan Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai, tumpuan yang diberikan adalah memandangkan kepada kesan yang dibawa oleh Bangsa Thai ke dalam masyarakat Islam Selatan Thai, penulis dapat merumuskannya kepada beberapa permasalahan, di antaranya :

- i. Adakah terdapat pengaruh keagamaan Buddha ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)?
- ii. Adakah terdapat pengaruh Bahasa Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)?
- iii. Adakah terdapat pengaruh cara berpakaian Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)?

- iv. Adakah terdapat pengaruh adat istiadat Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)?
- v. Adakah terdapat pengaruh amalan protokol Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)?
- vi. Adakah terdapat pengaruh penggunaan alatan Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)?
- vii. Adakah terdapat pengaruh cara makan minum Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)?
- viii. Adakah terdapat pengaruh kesenian Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)?

4. SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kedatangan kebudayaan Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai yang berlaku pada beberapa abad yang lalu telah banyak mempengaruhi umat Islam di selatan Thai, maka sudah tentu banyak sudut yang boleh dibuat kajian terhadap pengaruh kebudayaan Thai ke dalam masyarakat Islam Selatan Thai. Namun demikian, kajian ini hanya terbatas kepada perkara-perkara berikut:

Pertama, Kajian mengenai sejarah masyarakat umat Islam di Selatan Thai dan faktor-faktor yang membuatkan budaya Thai mengalir ke dalam masyarakat umat Islam Selatan Thai, termasuk kesan yang dibawa oleh bangsa Thai ke dalam masyarakat Islam Selatan Thai dan sejauh manakah bertentangan kebudayaan umat Islam Selatan Thai kini dengan ajaran Islam yang sebenar.

Kedua : Kajian mengenai pengaruh kebudayaan Thai terhadap umat Islam Selatan Thai di segi agama, bahasa, pakaian, adat istiadat, protokol-protokol, alat-alat, makanan dan kesenian.

Ketiga : Kawasan kajian penulis sebagai tumpuan kajian disertasi ini adalah di wilayah *Yala* iaitu di bandar *Yala* dan yang di maksudkan dengan bandar *Yala* ialah kawasan Daerah Muang *Yala*.

Keempat : Responden terdiri daripada sepuluh orang pada setiap bidang baik di segi agama, bahasa, pakaian, adat istiadat, protokol-protokol, alat-alat, makanan dan kesenian.

5. OBJEKTIF KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan selain dari memenuhi syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Usuluddin dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya ianya juga bertujuan untuk mengetahui perkara-perkara berikut :

- i. Untuk mengenalpasti tahap pengaruh keagamaan Buddha ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)
- ii. Untuk mengenalpasti tahap pengaruh Bahasa Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)
- iii. Untuk mengenalpasti tahap pengaruh cara berpakaian Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)
- iv. Untuk mengenalpasti tahap pengaruh adat istiadat Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)

- v. Untuk mengenalpasti tahap pengaruh amalan protokol Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)
- vi. Untuk mengenalpasti tahap pengaruh penggunaan alatan Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)
- vii. Untuk mengenalpasti tahap pengaruh cara makan minum Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)
- viii. Untuk mengenalpasti tahap pengaruh kesenian Thai ke dalam masyarakat Islam di Selatan Thai. (Bandar *Yala*)

6. KEPENTINGAN KAJIAN

Kerajaan Thai memainkan peranan penting dalam mempengaruhi umat Islam di Selatan Thai, mereka mengguna beberapa cara untuk mendapat kejayaan mengikut perkara yang dirancangan. Hasil dari itu, kerajaan Thai telah berjaya mempengaruhi sebahagian banyak daripada umat Islam di Selatan Thai terutamanya di sudut bahasa dan sebagainya.

Kenyataan di atas, sememangnya telah menarik minat pengkaji untuk membuat suatu kajian terhadap pengaruh kebudayaan Thai ini. Tajuk yang dicadangkan untuk dijadikan sebuah tesis ialah: Pengaruh Kebudayaan Thai Dalam Masyarakat Islam Di Selatan Thai: Suatu Kajian Khusus Di Bandar *Yala*. Kajian ini dibuat agar dapat memberi sumbangan kepada bidang pengajian Sejarah dan Pengajian Ketamadunan, di mana ianya akan memberi maklumat baru bagi kegunaan kajian-kajian yang akan datang, khususnya yang berkaitan dengan sejarah dan tamadun sesuatu bangsa dalam menerima kesan daripada penjajah dan terpengaruh darinya, terutama di sudut kebudayaan. Juga untuk dijadikan sebagai

asas dan batu loncatan dalam membuat kajian-kajian ilmiah yang lain sama ada selepas tamat nanti atau asas untuk ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Akhir sekali, kajian ini dibuat untuk memberi garis panduan dalam mengenal pasti perkembangan kebudayaan di kalangan umat Islam di Selatan Thai dan melihat kembali sejauh manakah kebaikan dan keburukan yang terdapat di kalangan umat Islam di rantau ini, agar umat Islam kini dan yang mendatang dapat mempelajari perkara yang terbaik daripadanya. Sekaligus dapat dijadikan sebagai kayu ukur agar umat Islam di negara ini kini dan yang mendatang tidak mudah terpengaruh dengan kebudayaan-kebudayaan daripada bangsa asing sama ada daripada Bangsa Thai maupun mana-mana penjajah pada amnya.

7. METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha menyiapkan hasil penulisan disertasi ini, penulis menggunakan beberapa metode. Metode-metode yang digunakan ini bertujuan agar hasil penulisan lebih bernilai dan sistematis. Di sini penulis akan menerangkan secara ringkas metode-metode yang telah digunakan. Pada dasarnya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Metode pengumpulan data. dan Metode penganalisan data.

7.1 METODE PENGUMPULAN DATA.

Usaha mengumpulkan data untuk memperolehi maklumat-maklumat yang tepat. Antara metod yang digunakan ialah:

- i. Metode Historis iaitu cara pengkajian dan penyelidikan yang mengaplikasikan perbincangan ilmiah tentang masalah yang dibahaskan. Ia berdasarkan kepada sumber-sumber bersifat sejarah.

- ii. Metode Dokumentasi iaitu kaedah mengumpulkan dokumen dan maklumat-maklumat yang berhubung dengan masalah termasuk, kertas-kertas kerja, artifak, dokumen-dokumen, catatan peribadi dan sebagainya.
- iii. Metode observasi iaitu data yang diperolehi melalui pengamatan secara langsung atau secara tidak langsung terhadap masyarakat mengenai perkara yang diperbahaskan.
- iv. Metode wawancara iaitu memperolehi data-data melalui wawancara dengan orang-orang yang difikirkan dapat memberi maklumat yang diperlukan.

7.2. METODE PENGANALISAAN DATA.

Dalam menganalisa data-data dan maklumat-maklumat yang telah diperolehi penulis telah menggunakan metode analisa secara diskriptif antara metodenya ialah:

- i. Metode induktif iaitu penulis membuat kesimpulan dari beberapa data dan maklumat yang diperolehi melalui menganalisa data yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.
- ii. Metode deduktif iaitu metod membuat kesimpulan- kesimpulan berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi yang bersifat umum untuk dijadikan kesimpulan yang bersifat khusus.

- iii. Metode komparatif iaitu perbandingan. Melalui metode perbandingan ini penulis akan membuat kesimpulan-kesimpulan berdasarkan hasil perbandingan yang diperolehi.

Sebagai kesimpulan, inilah metode yang penulis gunakan untuk menyempurnakan penulisan disertasi ini. Metode ini akan diterangkan dengan lebih lanjut di dalam bab yang ketiga.

8. SISTEMATIKA PENULISAN

Secara umumnya, penulisan ini disusun secara sistematik mengikut susunan sebuah disertasi yang telah digariskan oleh peraturan penulisan disertasi ijazah tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 2001.⁷⁹ Penulis telah membahagikan disertasi ini kepada tiga bahagian iaitu : (1) Pendahuluan atau *Preliminari*, (2) Teks, (3) Tambahan atau *Suplementari*. Setiap bahagian mengandungi beberapa pecahan kecil yang akan diterangkan dibawah ini.

Bahagian Pertama : Pendahuluan / Preliminari

Pada bahagian pendahuluan mengandungi perkara berikut :

Halaman Judul, Abstrak, Penghargaan, Isi Kandungan Disertasi, Senarai Jadual, Senarai Kependekan atau Tatanama dan Panduan Transliterasi.

Bahagian Kedua : Teks

Bahagian teks disertasi ini dibahagikan kepada beberapa pecahan kecil, setiap pecahan itu dinamakan bab. Disertasi ini mengandungi lima bab

⁷⁹ Abdul Mu'min bin Abdul Ghani (et.al) (2001), Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 8-12.

kesemuanya. Di bawah ini diuraikan secara ringkas isi kandung bab-bab tersebut.

Bab Pertama : Adalah merupakan bab pendahuluan, di mana penulis telah memasukkan dalam bab ini latar belakang masalah yang merangkumi pengenalan ringkas mengenai tempat yang dijadikan subjek untuk kajian. Di sini, penulis menerangkan tentang sejarah Selatan Thai dari berbagai aspek termasuklah sosio masyarakat dan ekonomi negeri. Dalam bab ini juga, penulis menghuraikan alasan memilih tajuk, pengertian tajuk, perumusan masalah, objektif dan kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Bab Kedua : Dalam bab ini penulis membicarakan mengenai teori yang dijadikan landasan kepada rumusan yang akan dibuat berdasarkan kepada hasil penyelidikan. Bab ini mengandungi: Definisi kebudayaan dan unsur-unsurnya, masyarakat Islam dan asas-asasnya.

Bab Ketiga : Manakala bab ketiga penulis membentangkan tentang metodologi penyelidikan. Bab ini mengandungi: Pengertian Metod, Metod Pengumpulan Data dan Metod Penganalisan Data

Bab Keempat : Bab ini merupakan kemuncak bagi bab - bab lain. Dalam bab ini penulis memaparkan laporan penyelidikan dan analisa data, di mana penulis mengkaji tentang: Pengaruh kebudayaan Thai terhadap umat Islam Selatan Thai. Penulis menyentuh tentang : Agama, Bahasa, Pakaian, Adat Istiadat, Protokol-protokol, Alat-alat, Makanan dan Kesenian. Dalam bab ini juga ditinjau mengenai budaya umat Islam di Selatan Thai dari sudut ajaran Islam.

Bab Kelima : Selepas keseluruhan isi-isi tajuk dibincangkan penulis menjadikan bab yang kelima sebagai penutup yang mengandungi kesimpulan-kesimpulan, saranan-saranan dan kata penutup.

Bahagian Ketiga : Lampiran / Suplementari

Bahagian akhir disertasi ini, penulis memuatkan beberapa instrumen penyelidikan yang telah dibuat oleh penulis dalam rangka menyiapkan kajian ini, antaranya soalan-soalan temubual, peta lokasi dan gambar-gambar yang berkaitan. Di penghujung bahagian ini penulis menyenaraikan senarai rujukan yang telah digunakan sepanjang penulisan disertasi ini dalam ruangan Bibliografi.